

## Inisiatif MDEC memperkasa wanita terlibat ekonomi digital

- *Program dilaksanakan MDEC seperti PeDAS, eUsahawan, eRezeki dan GLOW menyaksikan penyertaan lebih ramai wanita iaitu sebanyak 54 peratus*
- *Jumlah tenaga kerja wanita di Malaysia kini cecah 55.1 peratus manakala wanita yang terlibat sektor teknologi digital mencapai 35 peratus*

**CYBERJAYA 17 March 2021** – Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah memanfaatkan golongan wanita di negara ini sekaligus membolehkan mereka memainkan peranan penting untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital negara.

Bersempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun ini, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri berkata, program - program yang dikendalikan agensi ini mendapat maklum balas yang memberangsangkan malahan inisiatif untuk meningkatkan kemahiran digital menyaksikan penyertaan wanita lebih tinggi.

Wanita Malaysia telah mencapai kemajuan yang membanggakan dalam sektor tenaga kerja. Pada 2001, analisis oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mendapati pekerja wanita di Malaysia hanya menyumbang sebanyak empat peratus kepada pertumbuhan ekonomi negara. Statistik ini kemudian berubah apabila data pada 2011 hingga 2016 menunjukkan sumbangan pekerja wanita tempatan kepada pertumbuhan ekonomi telah meningkat kepada 11 peratus.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga Disember tahun lepas, jumlah tenaga kerja wanita di negara kita telah mencecah 55.1 peratus atau 6.21 juta orang yang meliputi pelbagai sektor pekerjaan. Berdasarkan soal selidik di Asia Tenggara yang dilakukan oleh badan penyelidik di Singapura pada tahun lalu, didapati wanita di rantau ini mewakili sebanyak 56 peratus dalam sektor pendidikan tinggi pelbagai bidang pengajian.

“Peratusan wanita di Malaysia yang terlibat sebagai tenaga kerja bidang teknologi ketika ini sudah mencapai 35 peratus. Oleh itu, saya yakin menerusi pelbagai inisiatif yang disediakan oleh kerajaan dan MDEC, angka ini akan terus melonjak dan wanita dijangka terus memberi sumbangan penting kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang diramalkan akan mencecah 22.6 peratus menjelang 2025. Di MDEC, wanita terus diperkasakan berpandukan teras utamanya iaitu rakyat Malaysia berkemahiran digital, perniagaan dipacu secara digital dan menarik pelaburan digital dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN. Sudah tentu wanita Malaysia memainkan peranan penting untuk mencapai hasrat ini,”katanya.

Surina menambah, inisiatif Perkhidmatan e-dagang Setempat (PeDAS) yang dilaksanakan di 32 Pusat Internet Desa (PID) di seluruh negara untuk membimbing usahawan luar bandar menyertai platform e-dagang ‘dikuasai’ oleh wanita iaitu sebanyak 79 peratus atau 3,201 orang. Sementara itu, Global Online Workforce (GLOW PENJANA), sebuah program yang membolehkan rakyat Malaysia menjana pendapatan secara dalam talian, menyaksikan penglibatan kaum wanita sebanyak 58 peratus.

“Program eUsahawan Muda pula telah menarik minat seramai 25,713 orang wanita atau 63 peratus manakala peserta eUsahawan Mikro pula menyaksikan wanita membentuk 61 peratus atau 16,718 orang. Bagi ketiga - tiga program ini, jumlah keseluruhan peserta wanita yang dilatih MDEC mencecah 220 445 orang atau 54 peratus. Ini menunjukkan minat dan kesungguhan luar biasa golongan wanita untuk terlibat dengan perniagaan secara dalam talian yang dapat menjana pendapatan lebih besar menerusi transaksi perniagaan rentas sempadan. Ini pastinya memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi digital negara,” katanya.

Berkongsi perasaan sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun ini pula, Surina berpandangan bahawa kaum wanita di negara ini telah mengorak langkah yang jauh dan mencapai kedudukan yang lebih baik khususnya aspek kepimpinan di sektor korporat selain semakin ramai yang menonjol dalam bidang teknologi.

“Inisiatif Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) yang dilancarkan kerajaan baru - baru ini pastinya akan turut memberi manfaat besar kepada wanita terutamanya melibatkan aspek kemahiran digital. Kesemua inisiatif yang dilaksanakan merupakan langkah penting untuk memperkasa golongan wanita di negara ini dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk manfaat pelbagai golongan rakyat dan seterusnya merealisasikan Malaysia 5.0,” tambahnya.

Sementara itu, Naib Presiden Bahagian Kemahiran dan Kerjaya Digital MDEC, Dr Sumitra Nair berkata, agensi berkenaan juga melaksanakan pelbagai inisiatif memperkasakan wanita Malaysia dengan kemahiran digital untuk berdepan cabaran era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Ujar beliau, kaum wanita di negara ini sangat kreatif, mampu berkomunikasi dengan baik dan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah yang mengagumkan.

“Secara kebetulan apabila kita meneliti Laporan Forum Ekonomi Dunia 2020 berkaitan pekerjaan masa depan, ketiga – tiga elemen ini sangat kritikal untuk sektor ekonomi digital dan saya yakin wanita Malaysia bersedia untuk memainkan peranan lebih berkesan,” katanya.

Menurutnya, antara program dilaksanakan bahagiannya ialah #Mydigitalmaker sejak 2016 yang telah memanfaatkan lebih 2.1 juta pelajar di seluruh negara termasuk murid perempuan yang telah mempelajari pelbagai kemahiran komputasional dan sains komputer sehingga Disember 2020.

“Wanita Malaysia turut menunjukkan semangat luar biasa untuk bersaing dalam pekerjaan digital apabila data menunjukkan sebanyak 49.96 peratus peserta keseluruhan Gerakan #MyDigitalWorkforce yang dilaksanakan pada tahun lepas untuk melatih semula tenaga kerja untuk pekerjaan ekonomi digital dan memudahkan pepadanan pekerjaan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Perniagaan Digital MDEC, Aiza Azreen Ahmad yang meraikan sambutan kali pertama Hari Wanita Antarabangsa di MDEC turut teruja berkongsi perjalanannya dalam membantu memperkasakan golongan wanita di negara ini.

Beliau yang menyertai MDEC pada awal bulan ini berkata, keputusan untuk pulang ke berkhidmat di negara tercinta selepas lama bertugas di Australia merupakan antara saat yang tidak dapat dilupakan.

“Sekembalinya ke sini, saya mempelajari kemahiran baharu dalam pekerjaan. Setelah sekian lama dilatih oleh pemimpin lelaki dan wanita, saya menjadi seorang yang bersikap ingin tahu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Gabungan kedua-dua ini merupakan kekuatan saya yang kemudian diaplikasi dalam pekerjaan,” katanya.

Dalam pada itu, Aiza Azreen turut menyentuh isu mengenai wanita yang masih kurang diberi perhatian iaitu fenomena tenaga kerja wanita pelbagai kategori yang memilih untuk ‘berehat’ daripada dunia pekerjaan untuk memberi tumpuan kepada urusan peribadi termasuk menguruskan keluarga.

“Apa yang harus kita lakukan ialah membantu mereka untuk memahami perubahan yang berlaku. Sekiranya kemahiran yang dimiliki golongan ini masih relevan atau memerlukan kemahiran baharu, perbincangan lanjut harus dilakukan,” katanya.

Ujar beliau, langkah seterusnya ialah dengan membantu melatih semula golongan pekerja wanita yang lama ‘bercuti’ untuk memenuhi keperluan pekerjaan semasa.

“Ini dapat dilakukan dengan membangunkan platform dan memberi bimbingan bagi memastikan negara tidak ‘kehilangan’ tenaga kerja wanita sama ada di sektor profesional atau bidang-bidang lain,” katanya.



#TAMAT#

### **Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah agensi kerajaan di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang diberi kepercayaan untuk meneraju ekonomi digital Malaysia untuk masa depan. Ditubuhkan pada tahun 1996 untuk mengawalselia perkembangan inisiatif MSC Malaysia, mandat utama MDEC hari ini adalah untuk mempercepat pertumbuhan rakyat Malaysia yang mahir secara digital, perniagaan bertenaga digital dan pelaburan digital di Malaysia. MDEC fokus untuk mewujudkan pertumbuhan inklusif dan berkualiti tinggi melalui inisiatif digitalisasi di seluruh negara yang sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama Kerajaan 2030 dan dengan memantapkan Malaysia sebagai Jantung Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif Ekonomi Digital MDEC, sila kunjungi kami di <https://mdec.my/> atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec